



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2019

PROGRAM KEBAJIKAN PEGAWAI BOMBA, PEGAWAI BOMBA BANTUAN, KELUARGA PEGAWAI BOMBA, PESARA BOMBA DAN BALU

Diedarkan kepada:

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: korporat@bomba.gov.my

Ruj. Kami : JBPM/IP/KOR:100-1/9/2 Jld. 3 (3)
Tarikh : 13 Jun 2019

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2019

PROGRAM KEBAJIKAN PEGAWAI BOMBA, PEGAWAI BOMBA BANTUAN, KELUARGA PEGAWAI BOMBA, PESARA BOMBA, DAN BALU

1. TUJUAN

Perintah Tetap ini bertujuan untuk memberi panduan berhubung dengan tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam usaha jabatan untuk meningkatkan tahap kebajikan kepada Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, keluarga Pegawai Bomba, Pesara Bomba dan balu selaras dengan maksud Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1989 (Kebajikan Untuk Anggota Perkhidmatan Awam).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bagi memacu ke sebuah jabatan yang berprestasi tinggi, elemen kebajikan kakitangan merupakan satu faktor yang perlu diberi tumpuan. Faktor kebajikan merupakan antara

elemen penting dalam membentuk kecemerlangan kakitangan dan seterusnya melahirkan organisasi yang cemerlang.

- 2.2 Jabatan sentiasa memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap dan liputan kebajikan kepada pegawai jabatan bagi tujuan mencapai matlamat akhir iaitu untuk melahirkan perkhidmatan yang cekap, penuh dedikasi, bermotivasi dan berprestasi tinggi serta produktif.

3. TAFSIRAN

Dalam perintah tetap ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:-

- 3.1 **Anak Pegawai Bomba** ertinya anak kandung, anak tiri, atau anak angkat yang sah kepada seseorang Pegawai Bomba.
- 3.2 **Balu Pegawai Bomba** ertinya isteri kepada Pegawai Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.
- 3.3 **Balu Pesara Bomba** ertinya isteri kepada Pesara Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.
- 3.4 **Duda Pegawai Bomba** ertinya suami kepada Pegawai Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.
- 3.5 **Isteri Pegawai Bomba** ertinya isteri yang sah kepada seseorang Pegawai Bomba.
- 3.6 **Pegawai Bomba** ertinya orang yang diambil khidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam.
- 3.7 **Pegawai Bomba Bantuan** ertinya seorang Pegawai Bomba Bantuan yang dilantik di bawah seksyen 4, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

3.8 **Pesara Bomba** ertinya mana-mana Pegawai Bomba yang ditakrifkan sebagai pegawai berpencen menurut Akta Pencen 1980.

4. KEBAJIKAN PEGAWAI BOMBA SEDANG BERKHIDMAT

Sebagai panduan, berikut adalah program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan disampaikan kepada Pegawai Bomba yang sedang berkhidmat:

4.1 Skim Perlindungan Insurans

Semua Pegawai Bomba hendaklah dipastikan menyertai suatu skim insurans bagi melindungi mereka. Jenis-jenis skim perlindungan insurans yang disediakan dan ditawarkan dalam jabatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.2 Skim Khairat Kematian

Semua Pegawai Bomba hendaklah dipastikan menyertai suatu skim khairat kematian bagi memberi bantuan dalam urusan-urusan kematian. Jenis-jenis skim khairat kematian yang disediakan dan ditawarkan dalam jabatan adalah seperti di **Lampiran 2**.

4.3 Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB)

Manfaat KWKB hendaklah disampaikan kepada semua Pegawai Bomba bagi melindungi dan menjaga kebajikan mereka termasuk para waris yang ditinggalkan. Jenis-jenis bantuan dan faedah yang diberikan oleh KWKB adalah seperti di **Lampiran 3**.

4.4 Bayaran Elaun-Elaun Khas Jabatan

Semua elaun-elaun khas jabatan hendaklah dibayar kepada semua Pegawai Bomba yang berkelayakan dan ditentukan. Jenis-jenis elaun khas jabatan adalah seperti di **Lampiran 4**.

4.5 Peluang Pemilikan Rumah Pertama

Semua Pegawai Bomba yang belum mempunyai rumah hendaklah didedahkan dengan peluang-peluang pemilikan rumah melalui skim-skim perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Garis panduan pelaksanaan penyediaan peluang-peluang pemilikan rumah melalui skim perumahan di bawah KPKT adalah seperti di **Lampiran 5**

5. KEBAJIKAN ANAK DAN ISTERI PEGAWAI BOMBA

5.1 Sebagai panduan, berikut adalah antara program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan boleh disampaikan kepada anak-anak Pegawai Bomba:

5.1.1 Kemudahan pengangkutan ke sekolah

Di mana sesuai, kemudahan pengangkutan anak-anak Pegawai Bomba ke sekolah hendaklah disediakan dengan menggunakan kenderaan utiliti jabatan. Tujuan penyediaan pengangkutan ini adalah bagi mengatasi masalah kesukaran Pegawai Bomba menghantar anak ke sekolah sewaktu bertugas di samping membantu meringankan kos kehidupan terutamanya di bandar-bandar besar. Garis panduan pelaksanaan penyediaan kemudahan pengangkutan ke sekolah adalah seperti di **Lampiran 6**.

5.1.2 Peluang memasuki Institusi Pendidikan Mara (IPMa)

Semua anak-anak Pegawai Bomba yang berkelayakan dan bersesuaian hendaklah didedahkan dengan peluang-peluang memasuki Institusi Pendidikan Mara (IPMa). Garis panduan pelaksanaan penyediaan peluang memasuki IPMa adalah seperti di **Lampiran 7**.

5.1.3 Penyediaan Kemudahan TADIKA dan TASKA di premis JBPM

Di mana sesuai, kemudahan TADIKA dan TASKA hendaklah disediakan di premis-premis JBPM bagi kemudahan pendidikan Pra Sekolah dan penjagaan harian anak-anak Pegawai Bomba. Garis panduan pelaksanaan penyediaan TADIKA dan TASKA di premis JBPM adalah seperti di **Lampiran 8**.

5.1.4 Meningkatkan kebolehpasaran di bidang kerjaya

Bagi meningkatkan kebolehpasaran anak Pegawai Bomba di pasaran kerjaya, program latihan industri / “*job attachment*” dalam industri kebombaan dan penganjuran kursus-kursus kemahiran jangka pendek yang bersesuaian hendaklah diadakan berdasarkan kesesuaian dan dilaksanakan secara teratur. Garis panduan pelaksanaan program latihan industri dan penganjuran kursus-kursus kemahiran jangka pendek kepada anak Pegawai Bomba adalah seperti di **Lampiran 9**.

5.2 Sebagai panduan, berikut pula adalah program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan disampaikan mengikut kesesuaian kepada isteri-isteri Pegawai Bomba:

- 5.2.1 Program meningkatkan ilmu dan kemahiran
 - 5.2.2 Program menambah pendapatan keluarga.
- 5.3 Garis panduan program kebajikan kepada isteri Pegawai Bomba berkaitan peluang meningkatkan ilmu dan menambah pendapatan adalah seperti di **Lampiran 10**.

6. KEBAJIKAN PESARA BOMBA

- 6.1 Berikut pula adalah program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan mengikut kesesuaian kepada para Pesara Bomba:

- 6.1.1 Pembangunan Sistem Maklumat Pesara
- 6.1.2 Program Bantuan Kebajikan Pesara
- 6.1.3 Penubuhan Persatuan Pesara
- 6.1.4 Peluang Menambah Pendapatan
- 6.1.5 Khidmat Kaunseling

- 6.2 Garis panduan pelaksanaan program kebajikan Pesara Bomba adalah seperti di **Lampiran 11**.

7. KEBAJIKAN BALU PEGAWAI BOMBA, BALU PESARA BOMBA, DAN DUDA PEGAWAI BOMBA

- 7.1 Sebagai panduan, berikut pula adalah program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan mengikut kesesuaian kepada balu Pegawai Bomba, balu Pesara Bomba, dan duda kepada Pegawai Bomba:

- 7.1.1 Pembangunan Sistem Maklumat
- 7.1.2 Bantuan Kebajikan
- 7.1.3 Peluang Menambah Pendapatan
- 7.1.4 Peningkatan Ilmu dan Kemahiran

- 7.2 Garis panduan pelaksanaan program kebajikan balu Pegawai Bomba, balu Pesara Bomba, dan duda kepada Pegawai Bomba adalah seperti di **Lampiran 12**.

8 PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB

- 8.1 Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Komandan Akademi dan Pegawai Memerintah Pangkalan Udara adalah bertanggung jawab memastikan kesemua program kebajikan di atas disampaikan kepada semua Pegawai Bomba, keluarga Pegawai Bomba, Pesara Bomba, balu Pegawai Bomba, balu Pesara Bomba, dan duda Pegawai Bomba yang berada di bawah seliaan mereka dan dilaksanakan dengan teratur mengikut kesesuaian.
- 8.2 Bahagian Pengurusan Korporat bertanggung jawab sebagai urusetia kepada pelaksanaan semua program kebajikan berkenaan.
- 8.3 Timbalan Pengarah Negeri adalah dipertanggungjawabkan sebagai Pegawai Kebajikan diperingkat JBPM Negeri bagi menyelaraskan semua program kebajikan peringkat negeri.
- 8.4 Pengarah Bahagian, Komandan Akademi dan Pegawai Memerintah Pangkalan Udara hendaklah melantik Pegawai Kebajikan bagi menyelaraskan semua program kebajikan di peringkat organisasi masing-masing.

9 PENUBUHAN JAWATANKUASA KEBAJIKAN

- 9.1 Sebuah jawatankuasa kebajikan peringkat JBPM Negeri, Akademi dan Pangkalan Udara hendaklah ditubuhkan bagi merancang, melaksana dan menyelaraskan semua aktiviti kebajikan di peringkat organisasi masing-masing.

9.2 Timbalan Pengarah Negeri adalah dilantik sebagai Pengerusi bagi jawatankuasa berkenaan tertakluk kepada kawalan dan arahan Pengarah Negeri yang berkenaan.

9.3 Pegawai Kebajikan yang dilantik di peringkat Akademi Bomba/Pangkalan Udara adalah dilantik sebagai Pengerusi bagi jawatankuasa berkenaan tertakluk kepada kawalan dan arahan Komandan/Pegawai Memerintah Pangkalan Udara.

9.4 Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat dipertanggung jawabkan merancang, melaksana dan menyelaraskan aktiviti kebajikan di kalangan kakitangan Ibu Pejabat JBPM dengan kerjasama dari pegawai kebajikan semua Bahagian.


10 PEMAKAIAN

Perintah Tetap ini hendaklah dipatuhi oleh semua Bahagian, JBPM Negeri, Akademi Bomba dan Penyelamat dan Pangkalan Udara JBPM.

11 TARIKH KUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 13 Jun 2019

Lampiran 1

**JENIS SKIM PERLINDUNGAN INSURANS DALAM
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

BIL	JENIS PERLINDUNGAN	JUMLAH FAEDAH
1	Skim Takaful Berkelompok Pegawai Bomba Sepenuh Masa JBPM (<i>Semua Pegawai Bomba</i>)	a. Kematian / Keilatan Kekal & Menyeluruh/ Keilatan Separa Kekal akibat semulajadi sehingga RM 30,000.00 b. Kematian / Keilatan Kekal & Menyeluruh/ Keilatan Separa Kekal akibat kemalangan sehingga RM 45,000.00 c. Penyakit Kritikal sehingga RM 10,000.00 d. Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan sehingga RM 4,000.00 e. Perbelanjaan pembedahan akibat kemalangan sehingga RM 4,000.00 f. Ujian Diagnosis (ujian diagnosis pra-hospital dan perundingan pakar pra-hospital) sehingga RM 2,000.00
2	Koperasi Bomba dan Penyelamat Malaysia Berhad (KOBOPM) (<i>bagi ahli sahaja</i>)	a. Kematian & Keilatan Kekal /Menyeluruh akibat penyakit sehingga RM 25,000.00 b. Kematian / Keilatan Kekal & Menyeluruh/ akibat kemalangan sehingga RM 50,000.00 c. Keilatan separa sehingga RM 7,500.00 d. Penyakit Kritikal sehingga RM 10,000.00 sebahagian daripada manfaat kematian.

		e. Elaun wad RM 35/sehari maksimum 30 hari setiap kemasukan ke hospital dan 120 hari seumur hidup
3	Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia (KPBPSM) <i>(bagi ahli sahaja)</i>	a. Kematian / Keilatan Kekal & Menyeluruh/ Keilatan Separa Kekal akibat semulajadi sehingga RM 20,000. b. Kematian / Keilatan Kekal & Menyeluruh/ Keilatan Separa Kekal akibat kemalangan sehingga RM 40,000.00 c. Penyakit kritikal RM 20,000.00 d. Elaun wad RM 20/sehari
4	Persatuan Kebajikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia <i>(bagi ahli sahaja)</i>	a. Kecacatan anggota tubuh badan - Akibat kemalangan atau sakit hingga hilang saraan sebanyak RM 2,000.00 - Akibat kemalangan tidak hilang saraan sebanyak RM 500.00 b. Bantuan bencana alam.
5	Pertubuhan Khairat Kematian JBPM Negeri	JBPM Kuala Lumpur - Bayaran Wad (Ahli) (RM20/Harian)
6	Perbelanjaan Kemudahan Perubatan (Perkeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009)	a. Perbelanjaan bagi pembekalan ubat, alat perkhidmatan perubatan dan rawatan sakit buah pinggang b. Perbelanjaan bagi rawatan kemandulan c. Perbelanjaan bagi rawatan kepakaran d. Perbelanjaan bagi rawatan di Institut Jantung Negara (IJN)

		e. Perbelanjaan bagi rawatan kecemasan f. Perbelanjaan bagi rawatan di luar negara
7	Skim Takaful Berkelompok Anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pegawai Bomba Bantuan (PBB)	a. Manfaat kematian (semulajadi/kematian) dan keilangan kekal sehingga RM 15,000.00 b. Keilangan separa kekal –sehingga RM15,000.00 (mengikut jadual skala manfaat) c. Penyakit kritikal sehingga RM 7,500.00 d. Perbelanjaan pembedahan dan perubatan sehingga RM15,000 e. Elaun sijil cuti sakit (hospital kerajaan) RM10.00 (maksimum 90 hari setahun) f. Elaun harian hospital – RM50.00 (maksimum 30 hari setahun)

Faedah dan manfaat takaful atau insurans boleh berubah-ubah berdasarkan penawaran semasa oleh syarikat penanggung takaful atau insurans.

Lampiran 2

**JENIS SKIM KHAIRAT KEMATIAN DALAM
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

BIL	JENIS KHAIRAT	JUMLAH FAEDAH
1	Skim Takaful Berkelompok Pegawai Bomba Sepenuh Masa JBPM <i>(Semua Pegawai Bomba)</i>	Khairat Kematian RM 4,000.00
2	Koperasi Bomba dan Penyelamat Malaysia Berhad (KOBOPM) <i>(bagi ahli sahaja)</i>	Khairat Kematian:- 1. Ahli sebanyak RM 3,000.00 2. Pasangan ahli sebanyak RM 2,000.00 3. Anak pegawai sebanyak RM 1,000.00 <i>(maksimum 3 orang sahaja dan berumur 3 minggu sehingga 18 tahun sahaja, kecuali yang masih belajar sehingga usia 23 tahun sahaja)</i>
3	Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia (KPBPSM) <i>(bagi ahli sahaja)</i>	Khairat kematian RM 2,000.00
4	Persatuan Kebajikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia <i>(bagi ahli sahaja)</i>	Bantuan Kematian :- 1. Ahli sebanyak RM 3,000.00 2. Suami/isteri ahli sebanyak RM 2,000.00 3. Anak pegawai (umur 21 tahun ke bawah) sebanyak RM 1,000.00 4. Kematian anak OKU RM 1,000.00

5	Skim Takaful Berkelompok Anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pegawai Bomba Bantuan (PBB)	Khairat – RM4,000.00
6	Pertubuhan Khairat Kematian JBPM Negeri-negeri (bagi ahli sahaja)	- JBPM Negeri Selangor - Ahli (RM2,000.00) - Suami/Isteri ahli (RM2,000.00) - Ibu/Bapa/Anak (RM500.00) - JBPM Negeri Johor - Ahli (RM2,000.00) - Suami/Isteri ahli (RM2,000.00) - Ibu/Bapa/Anak (RM500.00) - JBPM Kuala Lumpur - Ahli (RM2,000.00) - Suami/Isteri ahli (RM2,000.00) - Ibu/Bapa/Anak (RM500.00) - Wad (Ahli) (RM20.00/Harian) - JBPM Negeri Melaka - Ahli (RM1,000.00) - Suami/Isteri ahli (RM1,500.00) - Ibu/Bapa/Anak (RM200.00) - JBPM Negeri Terengganu - Ahli (RM1,000.00) - Suami/Isteri ahli (RM500.00) - Ibu/Bapa/Anak (RM300.00) - Ibu/Bapa Mertua (RM100.00)

		6. JBPM Negeri Pahang • Ahli (RM1,500.00) • Suami/Isteri/Ibu/Bapa/Anak/ Mertua (RM500.00) 7. JBPM Negeri Perak • Ahli (RM1,000.00) • Suami/Isteri ahli (RM100.00) • Anak (RM400.00) • Ibu/Bapa/Mertua (RM500.00) 8. JBPM Negeri Sembilan • Ahli (RM 3,000.00) • Suami/Isteri/Anak (RM 1,000.00)
7	Perbelanjaan Kemudahan Perubatan (Perkeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009)	Faedah bantuan pengurusan jenazah RM3,000.00
8	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Pesara Kerajaan Malaysia yang meninggal pada 15 Oktober 2010 atau pada tarikh selepasnya termasuk pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, Awam Negeri, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan pesara Skim KWSP. RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia tiga ribu sahaja)

Lampiran 3

JENIS BANTUAN DAN FAEDAH KUMPULAN WANG KEBAJIKAN BOMBA (KWKB)

BIL	JENIS BANTUAN	FAEDAH
1	Bayaran pampasan (<i>ex-gratia</i>) atas kematian pegawai bomba menjalankan tugas rasmi	36 kali ganda gaji bulanan hakiki tertakluk kepada had minimum RM 10,000.00
2	Bayaran pampasan atas kemalangan yang menyebabkan kecacatan anggota penting seumur hidup yang menyebabkan kehilangan pekerjaan dengan Jabatan semasa menjalankan tugas rasmi.	72 kali ganda gaji bulanan hakiki tertakluk kepada had minimum RM 20,000.00
3	Bayaran pampasan atas kemalangan yang menyebabkan kecacatan berkekalan anggota yang tidak menyebabkan kehilangan pekerjaan dengan Jabatan semasa menjalankan tugas rasmi.	Had maksimum 24 kali ganda gaji bulanan. Penentuan tahap kecederaan dibuat oleh pegawai perubatan berdasarkan taksiran.
4	Bantuan kepada pegawai atau bekas Pegawai Bomba bagi pembelian anggota tiruan, kerusi roda, tongkat melandas bahu, dan lain-lain bantuan yang difikirkan perlu.	90% dari harga pasaran peralatan tersebut tertakluk had maksimum sebanyak RM 10,000.00
5	Bantuan kepada pegawai bomba yang mengalami kerosakan, kemusnahan tempat kediaman akibat bencana.	Tertakluk kepada had maksima RM 5,000.00

6	Faedah- faedah lain yang di tentukan oleh Jawatankuasa daripada masa ke semasa.	Ditentukan oleh Jawatankuasa
7	Pinjaman untuk pegawai bomba ke pengajian di dalam perkhidmatan di Institusi pengajian tinggi yang diitiraf oleh kerajaan di Institusi pengajiaan tinggi tempatan.	Had maksimum sebanyak RM 10,000.00

**JENIS ELAUN-ELAUN KHAS DALAM
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

BIL	PASUKAN KHAS	ELAUN	PEGAWAI TERLIBAT
1	<i>Emergency Medical Rescue Services (EMRS)</i>	a. RM100.00	KB19 hingga KB22
2	Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA)	a. RM100.00 bulanan b. RM30.00 bagi setiap operasi terhad maksimum RM600.00 sebulan (termasuk kadar tetap RM100.00 sebulan)	KB19 hingga KB22
3	<i>Hazardous Material Unit Team (HAZMAT)</i>	a. RM100.00 bulanan b. RM30.00 bagi setiap operasi terhad maksimum RM600.00 sebulan (termasuk kadar tetap RM100 sebulan) c. RM100.00 Pakar HAZMAT yang mendapat pengiktifaran jabatan.	KB19 hingga KB22
4	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)	Memandu kenderaan JBPM melebihi 5000kg dan kenderaan Emergensi Medical Rescue Service (EMRS) a. RM 150.00 sebulan	KB19

5	Elaun Tugas Memandu Kenderaan	Jenis Kenderaan a. Kereta/Van/Lori/Bot Berenjin Kadar Sehari RM5.00 b. Motorsikal Kadar Sehari RM3.00	Pegawai Perkhidmatan Awam yang jawatannya bukan pemandu kenderaan
6	Elaun Unit Udara	a. Juruterbang i. Tempoh Latihan Gred KB29 hingga KB41 (RM600) ii. Kursus Peralihan Pesawat Gred KB29 (RM 1000.00) Gred KB 32 (RM 1300.00) Gred KB 38 (RM 1300.00) Gred KB 41 (RM 1600.00) iii. Juruterbang Gred KB29 (RM 2000.00) Gred KB 32 (RM 3000.00) Gred KB 38 (RM 3000.00) Gred KB 41 – KB 54 (RM 3500.00)	a. Juruterbang KB29 hingga KB54 b. Kuarter Master Udara (AQM) KB19 hingga KB38 c. Jurutera Penerbangan KB 29 hingga KB 54

		iv. Pembantu Juruterbang Gred KB29 (RM 1500.00) Gred KB 32 (RM 2000.00) Gred KB 38 (RM 2000.00) Gred KB 41 – KB 54 (RM 2500.00) b. Kuarter Master Udara (AQM) i. Tempoh Latihan Gred KB19 hingga KB38 RM400.00 ii. Operasi Pesawat Gred KB19 hingga KB38 RM1,000.00 c. Jurutera Penerbangan i. Tempoh Latihan RM400.00 ii. Operasi Pesawat RM1,000.00	
--	--	--	--

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENYEDIAAN PELUANG
PEMILIKAN RUMAH PERTAMA PEGAWAI BOMBA**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyuarakan bahawa KPKT akan terus fokus kepada kebajikan Pegawai Bomba terutamanya berkaitan pendidikan anak-anak, pemilikan rumah dan kebajikan pesara serta balu.
- 1.2 Antara cadangan aspek kebajikan Pegawai Bomba yang dirancang oleh jabatan adalah berkaitan peluang pemilikan rumah pertama. Berdasarkan maklum balas kajian pemilikan rumah pertama Pegawai Bomba gred KB19 hingga KB26 di seluruh negara mendapati bahawa masih terdapat ramai Pegawai Bomba yang belum lagi memiliki rumah.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan berhubung dengan tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam usaha menyediakan peluang pemilikan rumah pertama kepada Pegawai Bomba yang berkelayakan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan semua Pegawai Bomba dapat memiliki rumah pertama sebelum mereka bersara.
- 3.2 Membantu Pegawai Bomba memperolehi peluang memiliki rumah pertama berdasarkan kelayakan dan peluang yang diberikan oleh KPKT.

4. SASARAN PEGAWAI

Pegawai Bomba yang disasarkan dalam program pemilikan rumah pertama ini ialah seperti berikut:

4.1 Pegawai Bomba Kategori B40

Pendapatan isi rumah di bawah RM 3,860.00

4.2 Pegawai Bomba Kategori M40

Pendapatan isi rumah di antara RM 3,860.00 hingga RM 8,319.00

5. SASARAN SKIM PERUMAHAN KPKT

Skim perumahan KPKT yang disasarkan bagi program peluang pemilikan rumah pertama Pegawai Bomba adalah seperti berikut:

5.1 Projek Perumahan Rakyat (PPR)

- Pendapat isi rumah di bawah RM 3,000.00 (**RM 3,500.00 untuk Pegawai Bomba**)
- Pemohon belum memiliki rumah
- Harga rumah RM 35,000.00 (Semenanjung) dan RM 42,000.00 (Sabah dan Sarawak)

5.2 Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*)

- Pendapatan isi rumah di bawah RM 10,000.00
- Belum memiliki rumah bagi satu isi rumah
- Harga rumah tidak melebihi RM 300,000.00

5.3 Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*)

- Pendapatan isi rumah di antara RM 3,000.00 sehingga RM 15,000.00
- Belum memiliki rumah bagi satu isi rumah
- Harga rumah tidak melebihi RM 500,000.00

5.4 Projek Perumahan Awam (PPAM)

- Terbuka semua gred penjawat awam tetap, kontrak dan bersara
- Moratorium 10 tahun dikenakan

6. KAEDAH PERLAKSANAAN

6.1 Pihak pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara JBPM hendaklah memastikan semua Pegawai Bomba yang berada di bawah pentadbiran mereka mengemaskini maklumat berkaitan pemilikan rumah melalui sistem yang diwujudkan di *MyApps (MyRecord)* seperti di **Lampiran 5A**. Maklumat yang dikumpul adalah seperti berikut:

- i. Maklumat Peribadi
- ii. Maklumat Pendapatan Isi Rumah
- iii. Maklumat Status Pembelian Rumah
- iv. Cadangan Lokasi Pembelian Akan Datang



6.2 Bahagian Pengurusan Korporat akan membuat analisa keperluan perumahan Pegawai Bomba berdasarkan maklumat *MyRecord* berkenaan.

6.3 Bahagian Pengurusan Korporat juga akan membuat pemakluman dari masa ke semasa tentang peluang-peluang pemilikan rumah dari Skim Perumahan KPKT kepada pihak pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara JBPM.

- 6.4 Pihak pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara JBPM hendaklah membuat promosi dan pemakluman kepada Pegawai Bomba di bawah organisasi masing-masing yang belum memiliki rumah untuk memohon skim pemilikan rumah yang ditawarkan oleh KPKT berdasarkan kelayakan yang telah ditetapkan. Permohonan hendaklah dibuat sendiri oleh pemohon secara dalam talian.
- 6.5 Semua permohonan di peringkat Bahagian/JBPM Negeri/Akadem/Pengkalan Udara JBPM hendaklah diselaraskan dan dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Korporat untuk pemantauan dan tindakan susulan di KPKT. Format pemakluman adalah menggunakan borang seperti di **Lampiran 5B**.
- 6.6 Bahagian Pengurusan Korporat akan membuat pemantauan dan tindakan susulan semua permohonan di KPKT. Sebarang keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh pihak KPKT terus kepada pemohon.

Screen Shoot Aplikasi MyApps (My Record)

Maklumat Perumahan Pegawai Bomba



Lampiran 5B

**SENARAI PERMOHONAN SKIM PERUMAHAN DI BAWAH
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERJAAN TEMPATAN**

BAHAGIAN/NEGERI :

Bil	Nama Pemohon	Gred Jawatan	Tempat Bertugas	Program Yang Dipohon	Nama dan Alamat Projek Yang Dipohon	Tarikh Menghantar Permohonan

Sila lampirkan salinan/*screen shot* borang permohonan yang telah dihantar

Disemak

()

Timbalan Pengarah

JBPM Negeri

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN ANAK PEGAWAI BOMBA KE SEKOLAH MENGGUNAKAN KENDERAAN JABATAN

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Semasa lawatan kerja YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Kompleks Kuarters Johor pada 30 Jun 2018, YB Menteri telah mengesyorkan agar jabatan menyediakan perkhidmatan menghantar anak-anak Pegawai Bomba yang tinggal di kuarters ke sekolah dengan menggunakan kenderaan utiliti jabatan.
- 1.2 Bagi memberi kemudahan dan kebajikan kepada Pegawai Bomba dalam menguruskan pengangkutan anak-anak mereka pergi dan balik sekolah, jabatan mencadangkan agar disediakan kemudahan pengangkutan dengan menggunakan kenderaan utiliti jabatan.

2. MATLAMAT PENYEDIAAN PENGANGKUTAN

- 2.1 Memberi kemudahan pengangkutan yang selamat kepada anak-anak Pegawai Bomba untuk pergi dan balik sekolah.
- 2.2 Mengelakkan Pegawai Bomba yang sedang bertugas meninggalkan tempat kerja kerana menghantar anak ke sekolah.
- 2.3 Membantu meringankan kos kehidupan Pegawai Bomba terutamanya yang tinggal di bandar-bandar besar.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Skop Penyediaan Kemudahan

Kemudahan menghantar pergi ke sekolah dan mengambil pulang dari sekolah kepada anak Pegawai Bomba dan anak pegawai gunasama yang tinggal di kuarters JBPM.

3.2 Jenis kenderaan

- i. Lori
- ii. Van

3.3 Penentuan Kuarters

3.3.1 Diperingkat awal, kuarters yang akan terlibat dengan penyediaan kemudahan ini ialah:

- i. Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kempas, Johor Bharu, Johor.
- ii. Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Cheras, Kuala Lumpur.
- iii. Kuarters Jabatan bomba dan Penyelamat Malaysia, Sepanggar, Sabah.

3.3.2 Lain-lain kuarters yang memerlukan kemudahan ini hendaklah mengemukakan cadangan dan permohonan untuk mendapat kelulusan YAS Ketua Pengarah.

3.4 Lokasi mengambil dan menurunkan penumpang

3.4.1 Lokasi mengambil dan menurunkan penumpang adalah di kuarters yang telah dipilih dan ditentukan oleh Pengarah Bomba Negeri (PBN).

3.5 Penumpang

3.5.1 Penumpang mestilah terdiri dari anak-anak Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pesara Bomba dan kakitangan gunasama JBPM sahaja.

3.5.2 Hanya penumpang yang bersekolah rendah dan menengah sahaja dibenarkan menggunakan perkhidmatan ini.

3.5.3 Hanya penumpang yang memakai pakaian seragam sekolah, pakaian kokurikulum atau pakaian sekolah yang lain sahaja dibenarkan menggunakan perkhidmatan ini.

3.6 Bilangan Trip Perjalanan

3.6.1 Trip perjalanan boleh disediakan untuk persekolahan satu sesi dan juga persekolahan dua sesi.

3.6.2 Contoh trip perjalanan bagi persekolahan satu sesi (4 trip perjalanan) adalah seperti berikut:

- i. Satu trip perjalanan pagi menghantar pelajar pergi ke sekolah;
- ii. Satu trip perjalanan balik semula ke kuarters;
- iii. Satu trip perjalanan tengahari pergi ke sekolah untuk mengambil pelajar pulang; dan
- iv. Satu trip perjalanan tengahari mengambil pelajar pulang.

3.6.3 Contoh trip perjalanan bagi persekolahan dua sesi (6 trip perjalanan) adalah seperti berikut:

- i. Satu trip perjalanan pagi menghantar pelajar pergi ke sekolah;
- ii. Satu trip perjalanan balik semula ke kuarters;

- iii. Satu trip perjalanan tengahari menghantar pelajar ke sekolah;
- iv. Satu trip perjalanan tengahari mengambil pelajar pulang;
- v. Satu trip perjalanan petang pergi ke sekolah untuk mengambil pelajar pulang; dan
- vi. Satu trip perjalanan petang mengambil pelajar pulang.

3.7 Pemandu dan Pembantu Pemandu

- 3.7.1 PBN hendaklah melantik pemandu dan menentukan sistem giliran pemanduan mengikut jadual.
- 3.7.2 Pemandu boleh terdiri dari mana-mana Pegawai Bomba yang dilantik oleh PBN berdasarkan kesesuaian.
- 3.7.3 Jika melibatkan penggunaan lori atau bas, seorang pembantu pemandu hendaklah dilantik bagi mengawasi keselamatan pelajar naik dan turun dari kenderaan.

3.8 Penggunaan Bahan Api

- 3.8.1 Bahan api yang digunakan dalam perkhidmatan ini adalah dengan menggunakan bahan api jabatan.
- 3.8.2 Setiap pengisian bahan api hendaklah direkodkan berdasarkan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.

3.9 Perlindungan Insurans

- 3.9.1 Setiap pelajar yang ingin menggunakan perkhidmatan ini diwajibkan mempunyai perlindungan insurans.

3.9.2 Kos pembelian perlindungan insurans ini adalah di bawah tanggungan ibu bapa pelajar berkenaan.

3.9.3 Setiap ibu bapa dikehendaki mengisi surat pelepasan tanggungjawab bagi setiap pelajar. Surat Pelepasan Tanggungjawab adalah seperti di **Lampiran 6A**.

3.10 Keselamatan Kenderaan

3.10.1 PBN hendaklah memastikan kenderaan yang digunakan mematuhi aspek keselamatan kepada penumpang.

3.10.2 Sekiranya perlu, pengubahsuaian bolehlah dibuat bagi memastikan kenderaan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sesuai dan berpatutan.

**SURAT PELEPASAN TANGGUNGJAWAB
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN SEKOLAH
MENGUNAKAN KENDERAAN JABATAN**

No. Tel: _____

YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
Negeri _____

Tarikh: _____

Tuan,

**PERMOHONAN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN ANAK KE SEKOLAH DAN KENYATAAN
PELEPASAN TANGGUNG JAWAB**

Merujuk kepada perkara di atas, saya _____
(bapa/ibu/penjaga) kepada _____ No. Kad
Pengenalan / My Kid _____ memohon mendapatkan
perkhidmatan pengangkutan anak ke sekolah yang disediakan oleh
pihak jabatan.

1. Butiran permohonan adalah seperti berikut :

Nama Pelajar	:	_____
Darjah/Tingkatan	:	_____
Nama Sekolah	:	_____
Bil. Sesi Persekolah	:	_____
No. Insuran	:	_____

(sila lampirkan polisi insuran)

2. Saya faham bahawa pihak jabatan telah memberikan segala penerangan dan mengambil langkah-langkah keselamatan dan pengawasan sepanjang penyediaan perkhidmatan berkenaan.

3. Saya berharap pihak YS Tuan dapat mempertimbangkan permohonan saya ini. Segala risiko yang berlaku semasa anak saya / anak jagaan pergi dan pulang dari sekolah adalah dibawah tanggungjawab saya. Saya juga membenarkan pihak jabatan memberikan apa-apa rawatan pertolongan cemas ke atas anak saya / anak jagaan saya jika didapati perlu.

4. Kerjasama dari pihak YS Tuan terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan Ibubapa/Penjaga)

KEGUNAAN PEJABAT *Diluluskan/ Tidak diluluskan

.....
()
Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri _____

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENYEDIAAN PELUANG MEMASUKI INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (IPMa)

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pegawai Bomba berkaitan peluang-peluang anak Pegawai Bomba melanjutkan pelajaran ke Institusi Pendidikan Mara (IPMa).

2. MATLAMAT

Matlamat penyediaan peluang memasuki IPMa adalah:

- 2.1 Menambah baik aspek kebajikan kepada Pegawai Bomba dalam bidang pendidikan anak-anak.
- 2.2 Menyediakan peluang yang lebih baik kepada anak Pegawai Bomba mendapat peluang pendidikan yang berkualiti di Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

3. TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:-

“Anak” ertinya anak kandung, anak tiri, atau anak angkat yang sah.

“Balu Pegawai Bomba” ertinya isteri kepada Pegawai Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.

“Duda Pegawai Bomba” ertinya suami kepada Pesara Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.

“Pegawai Bomba” ertinya orang yang diambil khidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam.

“Pegawai Bomba Bantuan” ertinya seorang Pegawai Bomba Bantuan yang dilantik di bawah seksyen 4, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

“Pesara Bomba” ertinya mana-mana pegawai bomba yang ditakrifkan sebagai pegawai berpencen menurut Akta Pencen 1980.

4. Kumpulan Sasaran

Golongan yang disasarkan bagi peluang kemasukkan ke Intitusi Pendidikan MARA (IPMa) adalah:

- 4.1 Anak Pegawai Bomba;
- 4.2 Anak Pegawai Bomba Bantuan;
- 4.3 Anak Pesara Bomba;
- 4.4 Anak Balu Pegawai Bomba; dan
- 4.5 Anak Duda Pegawai Bomba.

5. PELUANG-PELUANG PENDIDIKAN DI INSTITUT PENDIDIKAN MARA (IPMa)

5.1 Lepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Yang Cemerlang

Peluang memasuki Tinghkatan 1 di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

5.2 Lepasn Ujian Petaksiran Tingkatan 3 (PT3) Yang Cemerlang

Peluang memasuki Tingkatan 4 di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

5.3 Lepasn SPM/STPM/Matrikulasi/Diploma

5.3.1. Peluang memasuki Institusi Pengajian Tinggi MARA berikut:

- i. Universiti Kuala Lumpur (UniKL);
- ii. Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM);
- iii. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM); dan
- iv. German-Malaysia Institut (GMI).

5.3.2. Peluang memasuki Institusi Kemahiran MARA berikut:

- i. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM);
- ii. Malaysia-Japan Industrial Institute (MJII); dan
- iii. Institut Kemahiran MARA (IKM).

6. KAEDAH PELAKSAAN

6.1 Pemakluman Peluang Pengajian

Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dengan kerjasama pihak pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah membuat hebahan kepada semua kakitangan JBPM tentang peluang-peluang anak Pegawai Bomba memasuki Institusi Pendidikan MARA dari masa ke semasa mengikut kesesuaian terutamanya selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan.

6.2 Permohonan

Permohonan memasuki Institusi Pendidikan MARA hendaklah dibuat sendiri oleh pemohon sama ada secara dalam talian ataupun di luar talian mengikut tatacara dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Institusi Pendidikan MARA.

6.3 Tindakan Peringkat Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara

6.3.1 Pihak pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi/ Pangkalan Udara hendaklah mengumpul semua senarai permohonan Pegawai Bomba di bawah seliaan masing-masing yang telah membuat permohonan dengan menggunakan format-format seperti berikut:

- i Permohonan kemasukan ke MRSM - Borang di **Lampiran 7A**;
- ii Permohonan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi MARA – Borang di **Lampiran 7B**; dan
- iii Permohonan kemasukan ke Institusi Kemahiran MARA – Borang di **Lampiran 7C**.

6.3.2 Semua senarai permohonan berkenaan hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Korporat mengikut ketetapan tempat dan masa yang telah ditentukan.

6.4 Tindakan Susulan

Bahagian Pengurusan Korporat akan mengumpul semua senarai permohonan dari Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara dan membuat tindakan susulan dengan pihak pengurusan Institusi Pendidikan MARA. Sebarang keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh pihak Institusi Pendidikan MARA terus kepada pemohon.

6.5 Rekod

Bahagian Pengurusan Korporat, Pengurusan Bahagian / JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah menyimpan semua senarai permohonan dan rekod yang dikumpul untuk rujukan pada masa akan datang.

Lampiran 7A

BORANG MAKLUMAT PERMOHONAN ANAK PEGAWAI BOMBA MEMASUKI MAKTAB RENDAH SAINS MARA TAHUN

Bahagian / Negeri / Akademi / P. Udara:

Bil	Pangkat dan Nama Pegawai Bomba	Tempat Bertugas	Nama Anak	No KP Anak	Jantina	Angka Giliran UPSR/ PT3	Result UPSR /PT3	MRSM Pilihan

Sila lampirkan salinan borang permohonan

Disemak

()

Timbalan Pengarah

JBPM Negeri

Lampiran 7B

**BORANG MAKLUMAT PERMOHONAN ANAK PEGAWAI BOMBA
MEMASUKI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MARA
SESITAHUN**

Bahagian/Negeri/Akademi/P. Udara:

Bil	Pangkat dan Nama Pegawai Bomba	Tempat Bertugas	Nama Anak	No KP Anak	Jantina	Nama dan Alamat Institusi Pengajian	Bidang Pengajian Yang Dipohon	Tarikh Permohonan

Sila lampirkan salinan borang permohonan

Disemak

()

Timbalan Pengarah

JBPM Negeri

**BORANG MAKLUMAT PERMOHONAN ANAK PEGAWAI BOMBA
MEMASUKI INSTITUSI KEMAHIRAN MARA
SESITAHUN**

[illegible]

$$\left(\begin{array}{c} \text{ } \end{array} \right)$$

JBPM Negeri

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENYEDIAAN TADIKA DAN
TASKA DI PREMIS JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan tentang tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam usaha untuk melaksanakan penyediaan kemudahan TADIKA dan TASKA di premis-premis Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk meningkatkan tahap kebajikan kepada Pegawai Bomba.

2. MATLAMAT

Matlamat penyediaan kemudahan TASKA/TADIKA di premis jabatan adalah:

- 2.1 Memberikan asuhan dan didikan awal kepada anak-anak Pegawai Bomba selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan;
- 2.2 Memberikan kemudahan kepada Pegawai Bomba menghantar anak mereka ke TASKA/TADIKA yang berhampiran tempat kerja/kediaman bagi mendapatkan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti; dan
- 2.3 Memberi peluang kerjaya kepada isteri Pegawai Bomba dan balu bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

3. TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:-

“TASKA” ertinya mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah.

“TADIKA” ertinya mana-mana tempat di mana pendidikan pra-sekolah disediakan untuk 10 orang murid atau lebih (umur 4-6 tahun).

4. PELAKSANAAN

4.1 Lokasi

Tingkat bawah bangunan yang dimiliki oleh JBPM

4.2 Premis

Keluasan premis hendaklah bersesuaian dengan jumlah kanak-kanak iaitu dengan kadar 3.5 meter persegi seorang. Premis hendaklah mempunyai ruang yang ‘Mesra Kanak-Kanak’ seperti mana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

4.3 Kumpulan Sasar

Kanak-kanak yang akan diambil adalah terdiri daripada anak-anak Pegawai Bomba, Balu Pegawai Bomba, Duda Pegawai Bomba dan mana-mana kanak-kanak yang dibenarkan oleh Jawatankuasa TASKA/TADIKA.

4.4 Kadar Yuran

Kadar yuran akan ditentukan oleh pihak Pengurusan Jabatan / Akademi / Pangkalan Udara dengan mengambil kira

kemampuan kakitangan, pengusaha, keperluan-keperluan lain dan sebagainya.

4.5 Kaedah Pengendalian TADIKA/TASKA

Pihak Pengurusan Jabatan / Akademi / Pangkalan Udara akan melantik pengusaha yang berpengalaman dan mematuhi semua peraturan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] / Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan peraturan-peraturan di bawahnya atau menguruskan sendiri dengan kekuatan kakitangan sedia ada.

4.6 Perakuan Pendaftaran

Semua TASKA yang hendak ditubuhkan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (sekiranya tidak dikendalikan sendiri oleh jabatan), manakala TADIKA pula hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendidikan

4.7 Penubuhan Jawatankuasa TASKA/TADIKA

Satu Jawatankuasa TASKA/TADIKA hendaklah ditubuhkan yang berperanan dan mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

- (i) Bertindak sebagai penyelaras bagi pelaksanaan TASKA/TADIKA dengan agensi-agensi teknikal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)/Jabatan Pelajaran;
- (ii) Bertindak sebagai '*One Stop Centre*' bagi majikan, pengusaha, ibu bapa dan kanak-kanak;

- (iii) Memantau pengendalian TASKA/TADIKa agar selari dengan kehendak Akta dan Peraturan; dan
- (iv) Menilai keberkesanan asuhan dan didikan awal kanak-kanak dari semasa ke semasa.

4.8 Subsidi Yuran Pengasuhan

Pihak Jawatankuasa TASKA hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Panel Subsidi Yuran TASKA yang mempertimbangkan subsidi yuran pengasuhan kepada kakitangan yang layak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007, Surat Pekeliling Bilangan 13 Tahun 2008 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013.

4.9 Perjanjian

Pihak **Jawatankuasa** TASKA/TADIKa akan menyediakan perjanjian antara jabatan dengan pengusaha. Ini dapat memastikan kesinambungan kuasa, fungsi dan tanggungjawab masing-masing dalam pengendalian TASKA/TADIKa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DAN KURSUS KEMAHIRAN KEPADA ANAK PEGAWAI BOMBA

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan tentang tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam menyediakan peluang mengikuti program latihan industri dalam bidang kebombaan dan penganjuran kursus kemahiran kepada anak Pegawai Bomba.

2. MATLAMAT

- 2.1 Membuka peluang kepada anak Pegawai Bomba yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengikuti latihan industri atau "*job attachment*" dalam industri kebombaan;
- 2.2 Memberi peluang kepada anak pegawai bomba menambah pengetahuan dan kemahiran dalam industri kebombaan supaya dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka di bidang kerjaya; dan
- 2.3 Memberi peluang kepada anak Pegawai Bomba mengikuti kursus-kursus kemahiran jangka pendek supaya dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka di bidang kerjaya atau menjadi usahawan.

3. PELAKSANAAN

3.1 Bidang Latihan Industri Kebombaan / "*Job Attachment*"

Antara bidang latihan industri kebombaan yang boleh ditawarkan kepada anak-anak Pegawai Bomba yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah seperti berikut:

- i. Bidang Keselamatan Kebakaran (*Fire Safety Officer*);
- ii. Bidang Kejuruteraan Kebombaan (*M&E / Structural Engineer*);
- iii. Bidang Kontraktor Kebombaan (*Fire Contractor / Maintenance*);
- iv. Bidang Seni Bina Bangunan (*Architect*);
- v. Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety and Health Officer*), dan
- vi. Bidang lain yang berkaitan.

3.2 Jenis Latihan Kemahiran

Antara bidang latihan kemahiran yang boleh ditawarkan kepada anak-anak Pegawai Bomba adalah seperti berikut:

- i. Penservisan Penyaman Udara;
- ii. Pendawaian Elektrik;
- iii. Pembuatan Perabot; dan
- iv. Pengurusan Keselamatan Kebakaran Industri.

3.3 Senarai Syarikat Industri Kebombaan

3.3.1 Pihak Pengurusan Jabatan / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah mengadakan kerjasama dan persefahaman dengan syarikat-syarikat pemain dalam industri kebombaan bagi mendapatkan peluang latihan industri / “*job attachment*” kepada anak-anak Pegawai Bomba.

3.3.2 Antara syarikat yang mempunyai kaitan dengan aspek kebombaan ialah seperti syarikat perunding kejuruteraan, syarikat arkitek, syarikat kontraktor pemasangan dan penyelenggaraan sistem kebombaan, dan syarikat-syarikat yang premis mereka dikategorikan sebagai Premis Ditetapkan.

- 3.3.3 Senarai syarikat yang bersetuju menawarkan peluang latihan industri kepada anak Pegawai Bomba hendaklah direkodkan sebagai rujukan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 9A**.

3.4 Senarai Institusi Latihan Kemahiran

- 3.4.1 Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dengan kerjasama pihak Pengurusan JBPM Negeri hendaklah mengadakan kerjasama dan persefahaman dengan institusi latihan kemahiran kerajaan bagi mendapatkan peluang-peluang latihan kemahiran kepada anak-anak Pegawai bomba.
- 3.4.2 Antara institusi kemahiran kerajaan yang menawarkan program latihan kemahiran jangka pendek ialah Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, Furniture Industry Technology Center (FITEC) dan lain-lain lagi.

3.5 Hebahan dan Pelaksanaan Program Latihan Industri / “*Job Attachment*”

- 3.5.1 Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dengan kerjasama pihak pengurusan JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah membuat hebahan kepada semua kakitangan JBPM tentang peluang-peluang latihan industri anak Pegawai Bomba dalam industri kebombaan.
- 3.5.2 Hebahan ini boleh dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian.
- 3.5.3 Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dengan kerjasama pihak pengurusan JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah menyelaras dan melaksanakan penempatan “*job attachment*” anak-anak

Pegawai Bomba yang berminat dan memohon untuk menyertai program latihan industri ini.

- 3.5.4 Rekod pelaksanaan program latihan industri / *“job attachment”* hendaklah disediakan oleh pihak pengurusan JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara dan disalinkan kepada Bahagian Pengurusan Korporat dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 9B**.

3.6 Penganjuran Kursus Latihan Kemahiran Jangka Pendek

- 3.6.1 Bahagian Pengurusan Korporat JBPM dengan kerjasama pihak pengurusan JBPM Negeri / Akademi / Pangkalan Udara hendaklah merancang mengikut kesesuaian penganjuran kursus kemahiran jangka pendek kepada kanak-anak Pegawai Bomba yang berminat dan berkecenderungan.
- 3.6.2 Kursus ini boleh diadakan secara bersiri mengikut kesesuaian masa, tempat, permintaan, dan sumber kewangan.
- 3.6.3 Rekod pelaksanaan kursus latihan kemahiran ini hendaklah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Korporat dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 9C**.

Lampiran 9A

**SENARAI SYARIKAT YANG MENAWARKAN PELUANG LATIHAN
INDUSTRI KEPADA ANAK PEGAWAI BOMBA YANG MENUNTUT
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Bil	Nama Syarikat	Alamat Syarikat	Jenis Perniagaan Syarikat	Negeri	Bidang Latihan Industri Yang Ditawarkan	Pegawai Bertanggung Jawab Dan No. Tel / Email

Lampiran 9B

REKOD PROGRAM LATIHAN INDUSTRI / “JOB ATTACHMENT” ANAK PEGAWAI BOMBA DALAM INDUSTRI KEBOMBAAN

JBPM Negeri/ABPM/Pengkalan Udara :

Bil	Nama Peserta (<i>Anak Pegawai Bomba</i>)	Jenis Pengajian, Peringkat, dan Nama Institusi Pendidikan	Nama Syarikat	Alamat Syarikat	Jenis Perniagaan Syarikat	Bidang Latihan Industri yang diikuti	Tempoh Latihan	Nama Waris (<i>Pegawai Bomba</i>) dan Tempat Bertugas

Lampiran 9C

**REKOD PELAKSANAAN KURSUS LATIHAN KEMAHIRAN
JANGKA PENDEK KEPADA ANAK PEGAWAI BOMBA**

Bil	Nama Kursus	Tarikh Kursus dan Tempoh	Tempat Kursus	Bilangan Peserta	Nama Institusi Latihan Kemahiran	Alamat Institusi Latihan Kemahiran	Catatan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KEBAJIKAN KEPADA ISTERI PEGAWAI BOMBA

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan tentang tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam menyediakan program kebajikan kepada isteri Pegawai Bomba terutamanya yang tinggal di kuarters-kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. MATLAMAT

2.1 Memberi peluang dan kemudahan kepada isteri Pegawai Bomba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran.

2.2 Membuka peluang kepada isteri Pegawai Bomba untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menambahkan pendapatan keluarga.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan program kebajikan kepada isteri Pegawai Bomba hendaklah mengambil kira aspek peningkatan ilmu serta kemahiran dan juga aspek membantu menambah pendapatan keluarga.

3.1 Aspek Peningkatan Ilmu dan Kemahiran

Sebagai panduan, berikut adalah antara program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan boleh disampaikan mengikut kesesuaian kepada isteri Pegawai Bomba bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka:

3.1.1 Kuliah Bimbingan Agama

Pihak pengurusan JBPM Negeri/Akademi/Pangkalan Udara hendaklah mengikut kesesuaian menganjurkan kuliah-kuliah bimbingan agama secara berkala kepada isteri-isteri Pegawai Bomba yang tinggal dikuarters-kuarters jabatan. Topik-topik berkaitan fardhu ain dan kefahaman Islam bolehlah disampaikan dengan menjemput penceramah-penceramah yang bertauliah. Kuliah bimbingan agama ini bolehlah dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat Malaysia (PERISMA) dan Jawatankuasa Surau Kuarters JBPM.

3.1.2 Kelas Kemahiran

Pihak pengurusan JBPM Negeri/Akademi/Pangkalan Udara hendaklah mengikut kesesuaian menganjurkan kelas-kelas kemahiran kepada isteri-isteri Pegawai Bomba terutamanya kepada mereka yang tinggal di kuarters jabatan. Kelas kemahiran ini bolehlah dilaksanakan dengan kerjasama PERISMA . Antara bidang kemahiran yang boleh dipelajari termasuklah bidang masakan, jahitan, penjagaan kesihatan, kraftangan, dan lain-lain lagi.

3.1.3 Lawatan Pembelajaran

Pihak pengurusan JBPM Negeri/Akademi/Pangkalan Udara hendaklah mengikut kesesuaian menganjurkan program-program lawatan pembelajaran. Program ini juga bolehlah dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat Malaysia (PERISMA).

3.1.4 Khidmat Kaunseling

Khidmat kaunseling daripada kaunselor jabatan dan AKRAB bolehlah dipanjangkan kepada isteri-isteri Pegawai Bomba yang memerlukan khidmat berkenaan. Pihak pengurusan JBPM Negeri/Akademi/Pangkalan Udara hendaklah menyelaras dan melaksanakannya mengikut kesesuaian.

3.2 Aspek Menambah Pendapatan Keluarga

Sebagai panduan, berikut adalah antara program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan boleh disampaikan mengikut kesesuaian kepada isteri Pegawai Bomba bagi membantu menambah pendapatan keluarga:

- 3.2.1 Memberi peluang kepada isteri Pegawai Bomba menjadi pengasuh bertauliah TASKA yang ditubuhkan di premis-premis JBPM;
- 3.2.2 Membuka peluang kepada isteri Pegawai Bomba menjadi pengusaha “TASKA Di Rumah” yang bertauliah dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- 3.2.3 Membuka peluang kepada isteri Pegawai Bomba mengusahakan produk-produk yang boleh dipasarkan melalui kursus penghasilan produk dan kursus perniagaan online.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KEBAJIKAN KEPADA PESARA BOMBA

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan tentang tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam menyediakan program kebajikan kepada Pesara Bomba.

2. MATLAMAT

2.1 Memberi peluang dan kemudahan kepada Pesara Bomba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran.

2.2 Membuka peluang kepada Pesara Bomba untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menambahkan pendapatan keluarga.

2.3 Menyatukan Pesara Bomba dalam persatuan yang sah dan melaksanakan aktiviti kebajikan sesama ahli.

3. DEFINISI

“Pegawai Bomba” ertinya orang yang diambil khidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam

“Pesara Bomba” ertinya mana-mana pegawai bomba yang ditakrifkan sebagai pegawai berpencen menurut Akta Pencen 1980

4. PELAKSANAAN

4.1 Pembangunan Sistem Maklumat Pesara

- 4.1.1 Bahagian Pengurusan Korporat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan, Cawangan Teknologi Maklumat dan JBPM Negeri hendaklah berkerjasama membangunkan sistem maklumat pesara.
- 4.1.2 Objektif pembangunan sistem maklumat pesara ini adalah bagi mengumpul maklumat para pesara supaya program kebajikan jabatan dapat dirancang dan dilaksanakan kepada mereka dengan lebih tepat dan berkesan.
- 4.1.3 Sistem maklumat ini boleh dioperasikan secara dalam talian dan boleh menggunakan tapak **Sistem MyApps** sedia ada dalam jabatan. Antara kandungan maklumat yang boleh terkandung dalam sistem ini termasuklah:
 - i. Latar belakang peribadi;
 - ii. Latar belakang keluarga;
 - iii. Latar belakang kesihatan; dan
 - iv. Latar belakang pendapatan.
- 4.1.4 Bahagian Pengurusan Korporat bersama JBPM Negeri dan Cawangan Teknologi Maklumat hendaklah memantau dan mengemaskini sistem ini dari masa ke semasa.

4.2 Penubuhan Persatuan Pesara Pegawai Bomba

- 4.2.1 Persatuan Pesara Pegawai Bomba hendaklah ditubuhkan di peringkat induk dan di peringkat cawangan-cawangan.

4.2.2 Antara objektif penubuhan Persatuan Pesara ini ialah untuk menyatukan semua Pesara Bomba dalam suatu persatuan yang sah serta melaksanakan aktiviti yang tidak bercanggah dengan peraturan dan undang-undang serta menjaga kebajikan sesama ahli.

4.2.3 Bahagian Pengurusan Korporat bersama JBPM negeri hendaklah menyelaraskan penubuhan persatuan pesara ini.

4.3 Program Bantuan Kebajikan Pesara

Program-program berbentuk memberi bantuan kebajikan kepada pesara juga hendaklah diadakan mengikut keperluan dan kesesuaian. Berikut adalah antara program-program yang boleh diberi perhatian dan dilaksanakan bagi memberi kebajikan kepada pesara:

4.3.1 Bantuan Pembinaan dan Pembaikan Rumah

Program membina dan membaiki rumah Pesara Bomba bolehlah dibuat bagi membantu Pesara Bomba yang memerlukan dan berkecukupan. Program ini boleh dibuat secara konsep “Khidmat Bakti Bomba” dengan pembiayaan peruntukan daripada kerajaan ataupun sumbangan pihak korporat dan orang ramai.

4.3.2 Bantuan Dari Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB)

Bantuan dari KWKB hendaklah disampaikan kepada Pesara Bomba yang berkecukupan. Jenis-jenis bantuan KWKB yang disediakan kepada Pesara Bomba adalah seperti dalam Arahan Pengurusan Bil. 1 Tahun 2013 iaitu pembelian anggota tiruan, kerusi roda, tongkat melandas bahu dan lain-lain bantuan yang difikirkan

perlu. Bahagian Pengurusan hendaklah berkerjasama dengan JBPM Negeri dan Bahagian Pengurusan Korporat bagi menyelaraskan dan melaksanakan program ini.

4.4 Peluang Menambah Pendapatan

Sebagai panduan, berikut adalah antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian kepada Pesara Bomba bagi memberi peluang menambah pendapatan mereka:

4.4.1 Peluang Kerjaya Selepas Bersara

Bahagian Pengurusan Korporat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan JBPM Negeri hendaklah merancang dan melaksanakan kursus-kursus besesuaian yang boleh membuka peluang kerjaya selepas bersara. Kursus-kursus bolehlah diadakan sama ada dalam tempoh Pra Persaraan ataupun Pasca Persaraan. Antara kursus-kursus yang boleh dilaksanakan ialah Kursus Keusahawanan, Kursus Pegawai Keselamatan Kebakaran, Kursus Kontraktor Kebombaan dan Kursus-Kursus Kemahiran.

4.4.2 Peluang Sebagai Tenaga Pengajar

Para Pesara Bomba yang pakar dan berkemahiran dalam bidang kebombaan bolehlah dijemput sebagai tenaga pengajar dalam kursus-kursus kebombaan yang dianjurkan oleh jabatan. Kursus yang dianjurkan ini sama ada kursus kepada Pegawai Bomba ataupun juga kepada orang awam. Bahagian Latihan dengan kerjasama Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia serta JBPM Negeri hendaklah menyelaraskan perlaksanaannya.

4.4.3 Peluang Sebagai Pegawai Kompeten Bagi Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)

Bahagian Keselamatan Kebakaran hendaklah merancang dan mengkaji syarat pegawai kompeten dalam OKK supaya memberi ruang dan peluang kerjaya kepada Pesara Bomba yang berkeelayakan.

4.5 Khidmat Kaunseling

Khidmat kaunseling daripada kaunselor jabatan dan AKRAB bolehlah dipanjangkan kepada Pesara Bomba yang memerlukan khidmat berkenaan. Bahagian Pengurusan dan JBPM Negeri hendaklah menyelaras dan melaksanakannya mengikut kesesuaian.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KEBAJIKAN KEPADA BALU PEGAWAI BOMBA

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan tentang tindakan-tindakan yang sesuai dan boleh diambil dalam menyediakan program kebajikan kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba.

2. MATLAMAT

2.1 Memberi peluang dan kemudahan kepada isteri Pegawai Bomba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran.

2.2 Membuka peluang kepada isteri Pegawai Bomba untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menambahkan pendapatan keluarga.

3. DEFINISI

“Pegawai Bomba” ertinya orang yang diambil khidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam

“Pesara Bomba” ertinya mana-mana pegawai bomba yang ditakrifkan sebagai pegawai berpencen menurut Akta Pencen 1980.

“Balu Pegawai Bomba” ertinya isteri kepada Pegawai Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.

“Balu Pesara Bomba” ertinya isteri kepada Pesara Bomba yang telah meninggal dunia dan belum berkahwin semula.

4. PELAKSANAAN

4.1 Pembangunan Sistem Maklumat Balu

- 4.1.1 Bahagian Pengurusan Korporat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan, Cawangan Teknologi Maklumat, dan JBPM Negeri hendaklah berkerjasama membangunkan sistem maklumat balu.
- 4.1.2 Objektif pembangunan sistem maklumat balu ini adalah bagi mengumpul maklumat para balu supaya program kebajikan jabatan dapat dirancang dan dilaksanakan kepada mereka dengan lebih tepat dan berkesan.
- 4.1.3 Sistem maklumat ini boleh dioperasikan secara dalam talian dan boleh menggunakan tapak **Sistem MyApps** sedia ada dalam jabatan. Antara kandungan maklumat yang boleh terkandung dalam sistem ini termasuklah:
 - i. Latar belakang peribadi;
 - ii. Latar belakang keluarga;
 - iii. Latar belakang kesihatan; dan
 - iv. Latar belakang pendapatan.
- 4.1.4 Bahagian Pengurusan Korporat bersama JBPM Negeri dan Cawangan Teknologi Maklumat hendaklah memantau dan mengemaskini sistem ini dari masa ke semasa.

4.2 Program Bantuan Kebajikan Balu

Program-program berbentuk memberi bantuan kebajikan kepada balu juga hendaklah diadakan mengikut keperluan dan kesesuaian. Berikut adalah antara program-program yang boleh diberi perhatian dan dilaksanakan bagi memberi kebajikan kepada balu:

4.2.1 Bantuan Pembinaan dan Pembaikan Rumah

Program membina dan membaiki rumah bolehlah dibuat bagi membantu balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba yang memerlukan dan berkekeluargaan. Program ini boleh dibuat secara konsep “Khidmat Bakti Bomba” dengan pembiayaan peruntukan daripada kerajaan ataupun sumbangan pihak korporat dan orang ramai.

4.2.2 Bantuan Dari Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB)

Bantuan dari KWKB hendaklah disampaikan kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba yang berkekeluargaan. Jenis-jenis bantuan KWKB yang disediakan kepada mereka adalah seperti dalam Arahan Pengurusan Bil. 1 Tahun 2013 iaitu pembelian anggota tiruan, kerusi roda, tongkat melandas bahu, dan lain-lain bantuan yang difikirkan perlu. Bahagian Pengurusan hendaklah berkerjasama dengan JBPM Negeri dan Bahagian Pengurusan Korporat bagi menyelaraskan dan melaksanakan program ini.

4.3 Peluang Menambah Pendapatan Keluarga

Sebagai panduan, berikut adalah antara program-program kebajikan yang perlu diberi perhatian dan boleh disampaikan mengikut kesesuaian kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba bagi membantu menambah pendapatan mereka:

- 4.3.1 Memberi peluang kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba yang bersesuaian menjadi pengasuh bertauliah TASKA yang ditubuhkan di premis-premis JBPM;

4.3.2 Membuka peluang kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba menjadi pengusaha “TASKA Di Rumah” yang bertauliah dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

4.3.3 Membuka peluang kepada balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba mengusahakan produk-produk yang boleh dipasarkan melalui kursus penghasilan produk dan kursus perniagaan online

4.4 Peluang Peningkatan Ilmu dan Kemahiran

Garis panduan pelaksanaan program kebajikan kepada isteri Pegawai Bomba telah menggariskan peluang-peluang peningkatan ilmu dan kemahiran seperti berikut:

4.4.1 Kuliah Bimbingan Agama;

4.4.2 Kelas Kemahiran;

4.4.3 Lawatan Pembelajaran; dan

4.4.4 Khidmat Kaunseling.

Semua program peningkatan ilmu dan kemahiran ini bolehlah dilaksanakan bersama balu Pegawai Bomba dan balu Pesara Bomba.